

19/02/2003

`Malaysia bukan milik mutlak bangsa Melayu'

KUALA LUMPUR: Bangsa Melayu tidak wajar menganggap Malaysia milik tunggal mereka, sebaliknya perlu memupuk perpaduan dengan masyarakat Cina serta India untuk mengeratkan lagi hubungan rakyat pelbagai kaum demi kemajuan dan kemakmuran negara.

Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba, berkata masyarakat Cina serta India pula perlu membuktikan taat setia terhadap negara ini dan bersatu padu untuk membangunkan negara secara bersama.

"Setiap rakyat harus berterima kasih dengan suasana aman dan damai di negara ini yang hanya mungkin dicapai berkat sikap saling memahami di kalangan pelbagai parti dalam gagasan Barisan Nasional (BN) sejak negara mencapai kemerdekaan.

"Walaupun tidak lagi aktif dalam politik, saya akan terus berkempen untuk BN setakat mampu kerana hanya ini satu-satunya parti yang mampu menjamin kesinambungan keamanan, keharmonian kaum dan pembangunan ekonomi yang dikecapi sekarang.

"Negara pasti hancur berkecai sekiranya tampuk pemerintahan berada di tangan pihak pembangkang," katanya pada majlis meraikan ulang tahunnya ke-78 anjuran MCA di kediamannya di sini, semalam.

Turut hadir, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Penasihat MCA Melaka, Datuk Tan Cheng Swee, 82.

Majlis itu diadakan sebagai tanda terima kasih kepada Ghafar kerana membantu menyelesaikan krisis dalaman MCA pada 1984. Ketika itu Ghafar menjadi Setiausaha Agung BN dan tradisi meraikan hari jadinya dikekalkan MCA sehingga sekarang.

Ghafar berkata beliau menaruh harapan tinggi kemelut dalaman yang dihadapi MCA sekarang dapat diatasi dalam masa terdekat kerana ia lebih banyak merugikan pelbagai pihak selain mewujudkan keretakan dalam BN secara umum.

Katanya, keamanan, perpaduan serta kemakmuran negara secara umum harus diutamakan dan dijadikan iktibar oleh parti politik dalam BN bagi merapatkan barisan dalam parti masing-masing sebagai satu entiti yang bersatu.

Mengenai perasaannya menyambut ulang tahun ke-78, Ghafar berkata beliau mahu hidup sehingga berusia 100 tahun sebagai saingan kepada rakan baiknya, Tan yang menyambut hari jadi ke-82 tahun ini.

Sementara itu, Dr Ling berkata MCA tidak mungkin melupakan jasa Ghafar menyelesaikan krisis dalaman parti itu dan akan meneruskan tradisi meraikan ulang tahunnya pada masa depan.

Ditanya sama ada bantuan Ghafar akan diminta bagi menyelesaikan perpecahan antara beliau dan timbalannya, Datuk Lim Ah Lek, Dr Ling berkata Ghafar tidak perlu dibebankan dengan isu berkenaan kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah merangka pelan damai.